

02 MAY 1996

Mahathir-Mesra

MALAYSIA MEMBANGUN KERANA NEGARA AMAN

JASIN, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan pesat ekonomi Malaysia bukan kejayaan semulajadi tetapi hasil pelaksanaan program pembangunan yang terancang.

Rancangan pembangunan itu pula berjaya dilaksanakan kerana negara ini aman dan rakyatnya hidup rukun damai serta sanggup bekerjasama melaksanakan program yang dirancang, katanya.

Rakyat negara ini berpegang kepada kepercayaan bahawa adalah lebih baik bersama membangunkan negara supaya kemajuan dapat dinikmati oleh semua dengan adil, katanya semasa berucap merasmikan Gerak MESRA peringkat negeri Melaka di Felcra Bukit Sedanan dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata kita boleh melihat bagaimana ada negara yang lebih besar dan kaya tetapi kekayaan itu tidak dapat dinikmati kerana negara tidak aman dan berlaku perang antara kaum.

"Bila berlaku keadaan yang tidak aman, kekayaan tidak ada...jika ada pihak yang menang, kemenangan kosong kerana tiada kekayaan untuk diagihkan kepada sesiapa," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat supaya tidak menganggap pertumbuhan ekonomi yang dinikmati sekarang sebagai perkara biasa atau perkara semulajadi kerana mereka perlu berusaha untuk meneruskannya.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak harus lupa bahawa tanpa masyarakat yang aman, kita tidak boleh membuat rancangan pembangunan negara dan melaksanakannya dengan baik.

"Kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh pula tidak lama lagi...sudah enam rancangan dilaksanakan dengan jayanya kerana rakyat bekerjasama dengan kerajaan, bekerjasama sesama sendiri dan terjalin kerjasama antara majikan dan pekerja,"

Rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan keturunan tetapi mempunyai pegangan sama kepada nilai-nilai hidup tertentu dan kerana pegangan itu, kita jadi bangsa yang berbeza dengan bangsa lain, katanya.

"Kalau kita pegang pada nilai hidup yang tidak baik...sukar dapat kejayaan dan kita tahu negara ini berjaya kerana ramai orang asing datang untuk melihat keadaan di sini,"

Perdana Menteri dan isteri Datin Paduka Dr Siti Hasmah kemudian beramah mesra dengan rakyat pada majlis jamuan mesra yang diadakan di samping melawat pameran oleh pelbagai jabatan kerajaan.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Anuar Musa dan Ketua Menteri Datuk Mohd Zin Abdul Ghani turut serta pada majlis yang dihadiri oleh kira-kira 10,000 rakyat. -- BERNAMA

MOZ AH PR